

1. Hantarkan penyertaan _____ melalui pos ataupun e-mel sebelum tarikh tutup.

- ☐ A tuanku
☐ B anda
☐ C patik
☐ D aku

2. Lalitha dan kawannya berjaya dalam pertandingan itu kerana _____ rajin menjalani latihan.

- ☐ A dia
☐ B kita
☐ C kalian
☐ D mereka

3. "Jika _____ hendak pergi ke bilik guru, sila ikut jalan ini," kata Lukman kepada pelawat wanita itu.

- ☐ A dia
☐ B anda
☐ C kalian
☐ D tuanku

4. "Akan _____ buktikan kepada mereka bahawa aku mampu melepasi halangan ini," bisik Bakri sendirian.

- ☐ A kita
☐ B aku
☐ C kami
☐ D hamba

5. "_____ akan mengiringi putera mahkota ke negeri Perak," kata Bendahara Paduka Raja kepada Temenggung Kudin.

- ☐ A Beta
☐ B Patik
☐ C Hamba
☐ D Tuanku

6. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



"Usahlah _____ bimbang kerana makanan yang disediakan ini cukup untuk menjamu semua tetamu yang hadir," kata Pak Long Halid kepada Amin.

- ☐ A anda
☐ B kamu
☐ C kalian
☐ D tuanku

7. Steven amat rajin membaca buku. Oleh sebab itu, _____ digelar ulat buku oleh rakan-rakannya.

- ☐ A dia
- ☐ B kami
- ☐ C beliau
- ☐ D mereka

8. _____ sering menganjurkan program pendidikan kesihatan untuk masyarakat seperti program penjagaan gigi dan mulut dan demonstrasi makanan sihat.

- ☐ A kementerian kesihatan Malaysia
- ☐ B Kementerian kesihatan Malaysia
- ☐ C kementerian Kesihatan Malaysia
- ☐ D Kementerian Kesihatan Malaysia

9. Atlet itu menerima anugerah Olahragawati Kebangsaan atas _____nya dalam sukan boling.

- ☐ A keinginan
- ☐ B kepimpinan
- ☐ C kesungguhan
- ☐ D kecemerlangan

10. Murid _____ mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaannya.

- ☐ A sana
- ☐ B situ
- ☐ C sini
- ☐ D itu

11. Pada hujung minggu lalu, ayah dan ibu menghadiri _____ kenduri arwah datuk di rumah Pak Ngah Salleh.

- ☐ A majlis
- ☐ B aktiviti
- ☐ C bengkel
- ☐ D seminar

12. "Ibu, _____ ingin menyertai lawatan sambil belajar ke Kuala Lumpur bulan depan," kata adik-beradik kembar itu kepada Puan Dania.

- ☐ A kita
- ☐ B kami
- ☐ C saya
- ☐ D kalian

13. Haziq dan isteri _____ bercadang untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang kejuruteraan di luar negara.

- ☐ A baginda
- ☐ B mereka
- ☐ C saya
- ☐ D -nya

14. Musa telah berusaha dengan sungguh-sungguh tetapi _____ masih gagal membuat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan.

☐ A dia
☐ B aku
☐ C kami
☐ D beliau

15. "_____ selalu juga ke sungai itu untuk memancing ikan," kata Gan Lim dan Kumar kepada Borhan.

☐ A Kita
☐ B Kami
☐ C Kamu
☐ D Engkau

16. Shivanti membeli sebuah kereta _____ Persona kerana tertarik oleh reka bentuk kereta itu.

☐ A Proton
☐ B Perkeso
☐ C Perodua
☐ D Bernama

17. Damia telah bekerja sebagai pembaca _____ di stesen televisyen itu sejak tiga tahun yang lalu.

☐ A surat
☐ B resipi
☐ C berita
☐ D poster

18. "Sebelum membuat sebarang keputusan, _____ hendaklah menimbangkan perkara ini semaksimal-maksimalnya," kata Raihana kepada Atiqah.

☐ A dia
☐ B kami
☐ C kamu
☐ D kalian

19. "Saya dan kawan-kawan pernah bermalam di kebun bapa Hashim. Tujuan _____ ke sana adalah untuk menikmati buah durian," kata Rayyan.

☐ A kita
☐ B kami
☐ C saya
☐ D mereka

20. Pesara guru itu masih cergas walaupun usia _____ sudah melebihi setengah abad.

☐ A dia
☐ B dikau
☐ C beliau
☐ D mereka